



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِيْكَوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

June



1 June 2021

BH Selasa, 1 Jun 2021

Komentari

Khidmat sukarelawan jayakan program imunisasi kebangsaan



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Universiti Teknologi
MARA
(UiTM) Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Kes positif harian COVID-19 di negara kita mencatatkan jumlah tertinggi menghampiri 10,000 kes dalam minggu ini, dengan jumlah kematian juga terus mencatat angka mengejutkan.

Susulan peningkatan mendadak kes jangkitan harian dan jumlah kematian itu, sekatan pergerakan penuh mula dikuatkuasakan hari ini sehingga tempoh dua minggu seperti diumumkan kerajaan.

Di sebalik perkembangan terkini, persoalan menggusarkan semua perlu diberi perhatian - adakah sistem logistik pengurusan bencana negara kita bersedia menghadapi gelombang pandemik ini?

Realiti harus kita terima bahawa gelombang melanda kini semakin menganas dan impaknya mula membebankan sistem kesihatan negara. Tidak terkecuali sistem logistik pengurusan bencana.

Sistem logistik pengurusan bencana merangkumi pengurusan segala sumber kritikal dalam menghadapi sesuatu bencana. Ini merangkumi pengurusan perubatan dan vaksin, peralatan klinikal, peralatan kelengkapan perlindungan diri (PPE), kapasiti wad hospital dan pusat saringan serta tenaga kerja (pakar dan separa pakar).

Tidak ketinggalan juga pengurusan sumber bukan perubatan yang berkaitan khususnya kepada mereka yang menjalani kuarantin sendiri di rumah masing-masing.

Pakar epidemiologi Universiti Malaya, Prof Da-

tuk Awang Bulgiba, melalui artikel diterbitkan *BH* pada 21 Mei lalu, berpendapat ketika ini Kementerian Kesihatan (KKM) bukan saja berhadapan kekurangan kapasiti katil dan peralatan di unit rawatan rapi (ICU), tetapi juga dari segi kakitangan bertugas.

Kakitangan sedia ada semakin berkurangan ketika kes makin bertambah. Ada yang gugur di kala berjuang, ada yang kehabisan tenaga, malah ada yang menghadapi tekanan terlampau.

Mana tidaknya, barisan ini sudah pun berjuang tanpa henti sejak awal 2020. Langkah untuk mempercepat dan memperluaskan Program Imunisasi



Kakitangan KKM bertungkus lumus mengendalikan kes COVID-19 yang semakin bertambah. (Foto hiasan)

COVID-19 Kebangsaan dengan membawa masuk vaksin AstraZeneca dilihat tepat untuk mempercepatkan imuniti kelompok.

Namun, perhatian sewajarnya harus diberikan juga kepada pengurusan logistik pemberian vaksin ini. Jika hanya bergantung tenaga kerja yang sama daripada KKM, objektif program imunisasi ini lambat tercapai.

Inisiatif Malaysia *Vaccine Support Volunteers* (MyVac) hasil kerjasama antara KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) dilihat sebagai langkah pintar menyokong sistem logistik peperangan melawan virus ini.

Di bawah inisiatif ini, sukarelawan berminat boleh turut serta mengisi dan meringankan keperluan tenaga kerja KKM. Khidmat sukarelawan amat mulia dan sangat diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Jika inisiatif MyVac mendapat lebih lagi sokongan daripada semua lapisan masyarakat Malaysia, tidak mustahil khidmat mereka ini boleh digunakan pula di Pusat Saringan COVID-19. Tenaga sukarelawan MyVac boleh digembleng untuk membantu mereka yang menjalani kuarantin sendiri rumah di kawasan komuniti tempat mereka tinggal.

Seluruh dunia ketika ini nazak memerangi bencana kesihatan pandemik berbahaya ini. Dengan wujudnya *variant of concern* yang lebih bahaya seperti dari India dan Afrika Selatan, kita bakal diuji lebih hebat.

Mahu tidak mahu, sistem pengurusan logistik tenaga kerja sektor perubatan kita perlu disokong sepenuhnya dari segala sudut.

2 June 2021

Rancang belanja ikut keperluan hadapi PKP



Ketua Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman sekatan pergerakan penuh dibuat ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak awal tahun ini, tidak menunjukkan hasil positif.

Jumlah kes positif COVID-19 terus menunjukkan peningkatan, malah kewujudan varian baharu lebih agresif mendorong kadar kebolehjangkitan semakin tinggi hingga menyebabkan kerajaan perlu mengambil masa panjang untuk melandaikan kembali lengkung jangkitan.

Oleh itu, Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan rasmi memutuskan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula semalam hingga 14 Jun ini.

Sepanjang tempoh itu, semua sektor tidak dibenarkan beroperasi kecuali membabitkan sektor

dan perkhidmatan perlu seperti diumumkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Ahad lalu.

Terkesan pengumuman itu, kita lihat fenomena berulang apabila masyarakat keluar memenuhi pasar raya untuk membeli barangan keperluan, sama ada ia betul-betul mendesak atau sekadar persiapan menghadapi *total lockdown*.

Sememangnya kita tidak pernah belajar daripada sejarah ketika PKP 1.0 dilaksanakan. Ketika itu, ia mungkin pengalaman baharu bagi masyarakat kita yang tidak pernah melaluinya. Oleh itu, ia akan mempengaruhi masyarakat untuk melakukan pembelian panik.

Hakikatnya, pembelian panik pada masa ini bukan tindakan rasional. Kita pernah menghadapi situasi sama pada PKP sebelum ini. Persoalan perlu diberi perhatian adalah kenapa masyarakat masih melakukan pembelian barangan seakan-akan pembelian panik.

Apakah masyarakat khuatir situasi menjadi lebih teruk atau mereka berasakan stok barang keperluan di pasar raya dan kedai runcit akan habis sepanjang PKP ini?

Kita harus melihat tempoh pelaksanaan PKP

masih tiada penghujung, sekali gus mendorong kita perlu bijak merancang perbelanjaan. Lebihan tunai perlu diutamakan berbanding perbelanjaan memenuhi kehendak.

Kita perlu menentukan, sama ada barangan hendak dibelanjakan adalah keperluan mendesak atau hanya memenuhi kehendak. Sekiranya ia memenuhi kehendak mengatasi keperluan mendesak dikhuatiri akan berlaku lebihan perbelanjaan seterusnya akan menjurus pembaziran.

Justeru, pembelian panik bukan penyelesaian dalam merancang perbelanjaan, terutama dalam pembelian barangan keperluan sepanjang PKP. Solusi terbaik dalam mendepani situasi mencabar seperti PKP dengan merancang mengikut keperluan lebih penting kepada kurang penting.

Keutamaan perlu diberi kepada perbelanjaan untuk memenuhi keperluan mendesak demi kelangsungan kehidupan. Lebihan tunai harus diurus bijak dengan memberi keutamaan kepada simpanan berbanding memenuhi kehendak.

Tidak salah kita memenuhi kehendak, tetapi ia mesti berpeda dan berpandukan apa ditetapkan bagi mengelak pembaziran berlaku.

2 June 2021

Pengangkutan rel masih paling selamat

Berbanding 567,516 kes kemalangan jalan raya dengan 6,167 maut pada 2019

KUALA LUMPUR



KULANTHAYAN



IRWAN



Para penumpang LRT menunggu giliran untuk menaiki tren ke destinasi masing-masing ketika tinjauan di Stesen LRT Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Perkhidmatannya yang sistematik, cekap dan laju serta sangat efisien dalam membantu menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di bandar menjadikan Transit Aliran Ringan (LRT) sebagai pilihan utama pengangkutan awam dalam kalangan warga kota di Lembah Klang sejak lebih dua dekad lalu.

Sangat diyakini pengguna atas khidmat terbaik selama 23 tahun beroperasi, menyebabkan ramai yang terkejut sebaik mengetahui kemalangan memabitkan dua tren LRT Laluan Kelana Jaya pada Isnin lalu.

Daripada 213 penumpang di dalam tren itu, 47 mengalami cedera parah, manakala 166 lagi cedera ringan dalam insiden di laluan terowong berdekatan Stesen KLCC dan Kampung Baru.

Ternyata, insiden itu membuka mata orang ramai bahawa perkhidmatan LRT yang dianggap paling selamat tersebut sebenarnya tidak terkecuali daripada kemalangan.

Meskipun begitu, jika melihat kepada statistik kemalangan antara sistem pengangkutan darat dengan pengangkutan rel, tiada siapa yang boleh menafikan bahawa perkhidmatan rel

seperti LRT jauh lebih selamat.

Ia boleh dilihat berdasarkan statistik kemalangan jalan raya pada tahun 2019, apabila sebanyak 567,516 kes kemalangan dilaporkan yang meragut nyawa seramai 6,167 orang dengan kadar kehilangan nyawa adalah setiap 85 minit.

Profesor Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Dr Kulanthayan KC Mani berkata, keadaan tersebut berlaku kerana sistem pengangkutan jalan darat dikongsi bersama dengan pelbagai jenis kenderaan yang mempunyai kelajuan berbeza sehingga mengundang risiko kemalangan yang tinggi.

Keselamatan

“Berbeza dengan sistem rel, ia hanya dilalui tren yang menggunakan sistem landasan rel dengan kelajuan yang hampir sama dengan jenis tren lain.

“Jika kita lihat dari segi statistik kemalangan jalan raya dan dibandingkan pula dengan kemalangan rel, amat jelas dan nyata, angkanya (kemalangan rel) sangat kurang, bukan sahaja di negara kita, malah seluruh dunia.

“Kerana itu, sistem pengangkutan rel tetap menjadi pengangkutan paling selamat di Malaysia malah juga di peringkat global,” katanya.

Kulanthayan yang juga pakar keselamatan jalan raya menjelaskan, sistem pengangkutan rel yang mempunyai beberapa lapisan keselamatan, menjadikan sistem yang digunakan itu sangat selamat terutama untuk membawa sejumlah besar penumpang pada satu-satu masa.

“Contoh lapisan sistem keselamatan yang ada, antaranya sistem kawalan trafik dan isyarat dari pusat kawalan sistem rel dan komunikasi untuk memastikan perjalanan setiap tren diatur dengan baik dan lancar.

“Kemalangan jarang berlaku kerana sistem pengangkutan rel ini juga turut dikawal laluan dari bilik kawalan penyedia perkhidmatan sistem rel tersebut. Disebabkan sistem yang ada, agak mengejutkan apabila kemalangan tren berlaku baru-baru ini.

“Siasatan penuh insiden ini perlu dilakukan untuk memahami di mana kesilapan yang berlaku dan bagaimana ia boleh dielakkan pada masa akan datang,” katanya.

Ketua Jaringan Industri dan Komunikasi Korporat Institut Pengangkutan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Dr Irwan Ibrahim menyatakan, pelbagai faktor boleh mendorong berlakunya kemalangan tren dengan kajian menunjukkan 90 peratus adalah berpunca daripada kecuaiannya pengendali pengangkutan yang kurang cekap, kepenatan ataupun sengaja mengingkari arahan.

Justeru, dalam usaha mengurangkan kemalangan tren, teknologi keselamatan tren dan prosedur keselamatan pelanggan harus dipertingkatkan dan ini merangkumi teknologi keselamatan baharu seperti kawalan pintu platform.

“Banyak teknologi baharu yang boleh diteroka antaranya pemantauan ‘koefisien derail’ dan pengendalian keseimbangan penggantung udara, struktur ‘bogie’ baharu, pemacu VVVF,” katanya. - Bernama

5 June 2021

Manfaatkan platform beli dulu, bayar kemudian



Pensyarah Jabatan
Ekonomi dan
Pengajian Kewangan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Puncak Alam

Oleh Mohd Faizal Kamarudin
bhrencana@bh.com.my

Situasi pandemik COVID-19 di Malaysia terus menampakkan sisi menggerunkan.

Saban hari jumlah kes positif dan kematian membimbangkan. Pada masa sama, keampuhan sistem kesihatan awam negara diuji pada tahap tertinggi.

Justeru, pelaksanaan sekatan pergerakan penuh seluruh negara diharapkan dapat membendung jumlah kes positif daripada terus meningkat dan mereka yang dijangkiti kembali pulih.

Keadaan ini membolehkan sistem kesihatan awam negara bernafas dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan.

Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh pasti memberi impak ekonomi kepada semua.

Kerajaan mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMRKASA+) yang dijangka memberi manfaat, terutama kepada golongan termiskin, rentan, B40 dan M40, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta usahawan mikro.

Untuk mengimbangi keperluan kesihatan awam dan ekonomi, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersetuju membenarkan 17 sektor terus beroperasi ketika pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ini.

Ia turut membolehkan usahawan mikro yang terbabit penyediaan makanan dan minuman terus mencari rezeki.

Realitinya, usahawan mikro dalam kategori ini kelompok penting dalam ekosistem kehidupan masyarakat Malaysia, terutama kepada isi rumah yang mana kedua-dua ibu dan bapa turut bekerja.

Malah, mereka yang terkesan dan tidak mempunyai sumber pendapatan ketika ini disarankan turut terbabit dalam sektor penyediaan makanan dan minuman ini.

Pasaran dalam talian wajar diteroka dengan mengambil peluang disediakan mana-mana platform penghantaran makanan dan minuman.

Ia akan mengurangkan modal permulaan untuk memulakan perniagaan. Malah, urusan tempahan dan penghantaran juga diselesaikan dengan berkesan oleh platform ini.

Seharusnya, masa dan tenaga boleh dicurahkan untuk menghasilkan produk terbaik dan dapat memenuhi kehendak pelanggan. Mereka yang berpuas hati, pasti akan kembali membeli

pada masa hadapan.

Apa pun, usahawan mikro makanan dan minuman perlu menguruskan aliran tunai dan modal pusingan sebaik mungkin serta penuh berdisiplin.

Untuk mengatasi aliran tunai dan modal pusingan, usahawan mikro makanan dan minuman dicadangkan menggunakan platform beli dulu, bayar kemudian.

Platform ini membolehkan usahawan mikro makanan dan minuman mendapatkan pinjaman tanpa faedah untuk membeli barang keperluan bagi perniagaan mereka.

Mereka boleh melunaskan bayaran balik pinjaman tanpa faedah antara satu hingga enam bulan mendatang.

Permohonan menggunakan platform ini sangat mudah dan mesra pengguna. Antara platform menawarkan perkhidmatan beli dulu, bayar kemudian di Malaysia adalah Atome, Pine Labs, Hoolah, Paylater dan Spaylater.

Lebih menarik perkhidmatan ini turut disediakan atau diterima pakai di platform pembelian dalam talian seperti Shopee dan Lazada.

Untuk meningkatkan kelestarian platform ini diharapkan lebih ramai perniagaan menggunakan konsep beli dulu bayar kemudian sebagai mod pembayaran di premis perniagaan mereka.

Semoga sekatan pergerakan penuh ini memberi sinar baharu kepada semua pihak. Gunakanlah platform beli dulu bayar kemudian yang menawarkan pinjaman tanpa faedah ini sebaik mungkin.

Amalan disiplin tertinggi ketika dalam tempoh pembayaran balik pasti boleh meningkatkan kemandirian.

atome &
hoolah
Pine Labs

Atome, Hoolah dan Pine Labs
antara platform menawarkan
perkhidmatan beli dulu,
bayar kemudian di Malaysia.



7 June 2021

Tanggungjawab semua bantu atasi pandemik

Razmah Mahmud

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan Universiti
Teknologi MARA (UiTM)
Kampus Puncak Alam

Pelbagai inisiatif diumumkan kerajaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan bermula 18 Mac lalu untuk membantu rakyat dan peniaga, khususnya peniaga kecil menghadapi cabaran pandemik di luar jangka.

Menjengah pula, sekatan pergerakan penuh bermula Selasa

minggu lalu dengan beberapa sektor perkhidmatan penting saja dibenarkan beroperasi.

Untuk sekatan pergerakan terkini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tampil dengan pengumuman pakej rangsangan dengan tiga matlamat utama, iaitu mempertingkatkan kapasiti kesihatan awam, meneruskan agenda prihatin rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan.

Apa yang menarik, semua menteri dan timbalan menteri tidak akan mengambil gaji selama tiga bulan bermula bulan ini.

Arahan juga dikeluarkan Ketua Setiausaha

Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, untuk memotong elaun imbuhan tetap khas (ITK) bagi penjawat awam bermula Gred 29 hingga JUSA A ke atas dengan kadar peratusan ditetapkan, juga bermula pada tempoh sama.

Semua pengurusan atas bagi setiap syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan perbincangan bersama Kementerian Kewangan turut berkongsi kebersamaan melalui pemotongan gaji bulanan.

Apa boleh dijelaskan, senario ini menunjukkan tiada siapa ketinggalan dalam menangani pandemik ini. Bermula setinggi-tinggi jawatan dalam kerajaan, hingga kumpulan penjawat awam terbanyak, semuanya bersatu teguh.

Pastinya dana kepada Akaun Amanah Bencana mampu direalisasi dan memberi manfaat secara holistik melalui komitmen potongan gaji Perdana Menteri, menteri dan timbalan menteri, disertai sumbangan ITK penjawat awam berjumlah lebih 80,000 dan disokong pula penyertaan GLC.

Realitinya, semua pihak memainkan peranan dan menyokong penuh usaha kerajaan. Perdana

Menteri berkata, walaupun kerajaan terpaksa mengambil keputusan sukar melaksanakan sekatan pergerakan penuh, demi kesejahteraan rakyat dan kebaikan negara ia tetap perlu dilakukan.

Menjadi tanggungjawab semua untuk menentukan kejayaan ini dengan komitmen masing-masing. Rakyat Malaysia terkenal dengan sifat pemurah dan patriotik.

Dalam konteks penjawat awam, kumpulan ini mampu bersatu dan bekerjasama demi negara tercinta dengan menyertai pemimpin serta pihak berkuasa berdepan ancaman pandemik.

Justeru, bermula pematuhan prosedur operasi standard (SOP), kesedaran mengambil vaksin dalam kalangan masyarakat untuk membentuk imuniti kelompok juga senjata utama bagi menangani pandemik.

Segala usaha ini mesti disokong aliran dan suntikan dana cukup untuk membentuk rakyat stabil dari segi emosi, mental dan fizikal untuk teguh berdepan ancaman COVID-19.

8 June 2021

Ilmu digital tingkat kebolehpasaran graduan



Timbalan Dekan
(Jaringan Industri,
Komuniti dan
Alumni) Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Nor Farradila Abdul Aziz
bhrencana@bh.com.my

Perkembangan terkini pandemik COVID-19 memberi cabaran dan impak kepada golongan pekerja, majikan, kerajaan dan tidak terkecuali graduan baharu.

Kadar persaingan untuk memperoleh pekerjaan sangat sengit dan graduan baharu terpaksa bersaing dengan mereka yang diberhentikan kerja akibat pandemik.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan statistik kadar pengangguran di Malaysia yang meningkat kepada 4.5 peratus pada 2020, tertinggi sejak 1993 yang merekodkan 4.1 peratus seperti dilaporkan *BH* pada 8 Februari lalu.

Daripada jumlah ini, kumpulan usia belia 15 hingga 30 tahun mencatatkan kadar pengangguran tertinggi iaitu 6.9 peratus diikuti 31 hingga 45 tahun (4.1 peratus) dan 46 hingga 64 tahun (1.1 peratus).

Kadar peratusan pengangguran terus menunjukkan peningkatan apabila kerajaan melaksanakan sekatan pergerakan penuh berkuat kuasa 1

Jun lalu dan dijangka berlarutan untuk beberapa minggu.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjalankan Kajian Pengesanan Graduan bagi 2020 dan melaporkan kadar kebolehpasaran graduan tahun lalu adalah 84.4 peratus, menurun 1.8 peratus berbanding 2019.

Data ini melepasi unjuran awal KPT iaitu 75 peratus akibat kesan pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, kajian Khazanah Research Institute mendapati 95 peratus golongan muda berada dalam kategori pekerjaan tidak berkemahiran dan 50 peratus mempunyai kelayakan pendidikan lebih tinggi berbanding pekerjaan dilakukan.

Mereka tiada pilihan selain menerima tawaran itu supaya tidak menganggur.

Hakikat penting perlu diterima, bahawa graduan baharu harus lebih bersedia menghadapi cabaran dan berusaha mengenal pasti kemahiran baharu yang relevan dengan kehendak industri.

Mereka perlu mencari peluang memperkayakan pengetahuan dengan sumber terbuka menerusi program latihan dan kursus pendek sebagai ilmu tambahan, selain bidang utama ketika menuntut di universiti untuk meningkatkan nilai kebolehpasaran.

Latihan intensif terutama kemahiran teknologi digital banyak dikendalikan agensi

kerajaan bersama pihak industri.

Sebagai contoh, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) bekerjasama bersama GA Academy iaitu sebuah syarikat mengendalikan latihan digital untuk mengendalikan lima kursus kemahiran digital kepada bakal graduan fakulti secara percuma.

Lima kursus kemahiran digital itu adalah Data Analitik, Sains Data, Pemasaran Digital, Pengurusan Produk dan Reka Bentuk Pengalaman Pengguna.

Latihan digital seumpama ini dapat memberi peningkatan kepada kebolehan serta kemahiran graduan. Kolaborasi sebegini peluang keemasan harus dimanfaatkan mahasiswa dan universiti.

Kesimpulannya, perubahan landskap pekerjaan memerlukan graduan lebih kompeten untuk memenuhi keperluan semasa industri. Graduan baharu perlu merancang dan membiasakan kelaziman baharu jika tidak mahu ketinggalan.

Pelbagai program dan usaha dilakukan agensi kerajaan, universiti dan rakan industri untuk menambah baik ekosistem tenaga bakat muda negara untuk membantu kebolehpasaran graduan, serta menyumbang pemerikasaan ekonomi negara.

Graduan seharusnya merebut peluang yang ada. Tepuk dada, tanya selera.

9 June 2021

Waspada 'diplomasi perangkap hutang' ditawarkan China



Pensyarah Kanan
Ekonomi dan
Pengajian Kewangan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Azhan Rashid Senawi
bhrencana@bh.com.my

Projek Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) memberikan impak signifikan kepada kuasa ekonomi China, terutama ke atas rantau ASEAN.

Pembangunan ASEAN dijadikan landasan untuk China menguasai tenggara Asia.

Namun, perkembangan terkini membabitkan pencerobohan 16 pesawat Tentera Udara Republik Rakyat China (PLA-AF) yang memasuki ruang maritim Malaysia, mencetuskan persoalan tentang keselamatan dan kedaulatan perairan Malaysia.

Lebuhi merisaukan, penerbangan di kesan membabitkan pesawat pengangkut strategik yang berupaya melaksanakan pelbagai misi.

Hal ini dikaitkan dengan isu pengintipan yang boleh merosakkan hubungan harmoni diplomatik dan ekonomi sedia ada.

Malaysia sememangnya mempunyai hubungan mesra dengan negara besar dunia, termasuklah China.

Dari sudut pelaburan, sejak 11 tahun lalu China adalah rakan dagang terbesar Malaysia dengan jumlah eksport mencapai RM237.2 bilion pada suku tahun pertama 2020. Jumlah itu meningkat tiga peratus berbanding tahun sebelumnya.

Tambahan lagi, projek fiskal Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menelan belanja berpuluh bilion ringgit Malaysia juga mendapat pembiayaan China.

Sementara sudut diplomatik, Malaysia mencatat sejarah selaku pendorong kepada negara ASEAN lain untuk mengiktiraf hubungan dagangan dengan China pada 1974.

Malaysia tetap menjalankan hubungan diplomatik ketika China menghadapi isolasi antarabangsa selepas peristiwa Tianmen 1989.

Dengan catatan sejarah dan hubungan dagangan akrab ini, sudah pasti sukar untuk Malaysia menerima hakikat China 'menceroboh' perairan negara kerana ia berkait isu kedaulatan dan keselamatan.

Apa pun, isu pencerobohan ruang udara dan pembiayaan dana ini mempunyai kaitan dinamik dan signifikan.

Mengikut Zhao Gancheng, Pengarah Pusat Pengajian Asia-Pacific di Institut Pengajian Antarabangsa Shanghai, strategi ekonomi China dan ASEAN sejajar dasar memperluaskan dagangan dalam kerangka BRI.

Namun, soalan harus ditanya - apakah kaitan isu penerbangan pesawat China ini dengan pembiayaan dana berbilion ini?

Pakej rangsangan China kepada negara dunia ketiga dan negara membangun boleh dianggap memerangkap, jika negara berkenaan gagal melunaskan perjanjian hutang diberikan.

Ia disebut 'diplomacy debt-trap' atau diplomasi perangkap hutang. Ditambah lagi kontroversi hak milik ke atas Laut China Selatan yang menjadi isu hangat ke atas negara ASEAN.

Ini memberi isyarat pembiayaan hutang diberikan China berkemungkinan menjadi penyebab musnahnya kedaulatan negara ASEAN.

Dapatan daripada statista.com menunjukkan dalam kalangan negara anggota ASEAN, Kemboja dan Laos mempunyai lebih 25 peratus hutang ke atas China, manakala selebihnya dalam peratusan antara lima hingga 10 peratus, satu hingga lima peratus dan kurang daripada satu peratus.

Malaysia sendiri termasuk dalam kalangan lima hingga 10 peratus pinjaman ke atas China.

Ini bermaksud, hampir keseluruhan ASEAN mempunyai hutang dengan China. Ini cukup signifikan membuatkan ASEAN mungkin terikat strategi pelebaran kuasa China ke atas ASEAN terutamanya.

Reuters melaporkan China negara pemiutang terbesar iaitu sebanyak 65 peratus jumlah hutang di Afrika, Eropah Timur, Amerika Latin dan juga Asia.

Kegagalan melunaskan hutang dikhuatiri menyebabkan negara berkenaan terpaksa melepaskan kepentingan mereka seperti berlaku di pelabuhan Sri Lanka.

Diplomasi adalah cara terbaik mengeratkan kesefahaman antara negara dunia khususnya China dan Malaysia.

Tindakan menghantar nota bantahan daripada Kementerian Luar harus dipuji. Ini membawa maksud Malaysia tidak terburu-buru menyalahkan China, bahkan meminta penjelasan untuk justifikasi bagi memastikan hubungan diplomatik tetap terjaga.

Justeru, negara anggota ASEAN perlu sependapat dalam perkara ini bagi memastikan kedaulatan negara masing-masing terpelihara daripada sebarang pencerobohan dan mengekalkan status Asia Tenggara sebagai kawasan aman tanpa pergolakan.

10 June 2021

Kesedaran terima vaksin beri impak positif



Pensyarah Kanan,
Pengurusan
Teknologi dan
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Puncak
Alam

Oleh Razmah Mahmud
bhrencana@bh.com.my

Kesedaran rakyat menerima vaksin semakin positif dan memberangsangkan. Ini memberikan impak besar kepada kelancaran Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

Peningkatan mendadak kes positif menjadi titik tolak kesedaran masyarakat mendapatkan vaksin dengan segera. Sambutan luar jangka semasa pembukaan pendaftaran vaksin AstraZeneca fasa pertama dan kedua menyaksikan ia habis ditempah dalam beberapa jam sahaja.

Sambutan itu menjadi penanda aras penerimaan rakyat. Mereka mahu diberi vaksin segera terutama yang menetap di kawasan mempunyai kes tinggi.

Ia memerlukan perancangan teliti dan pengendalian efisien. Sehingga 8 Jun, seramai 12.7 juta orang mendaftar untuk menerima vaksin dengan penerima dos pertama ialah 2.5 juta, manakala dos kedua pula hanya 1.1 juta.

Ini menunjukkan hanya 3.6 juta dos sahaja dapat diberikan setelah 100 hari Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dijalankan. Ini belum cukup mengambil kira sasaran mencapai kadar 80 peratus daripada 33 juta rakyat untuk membentuk kelompok imuniti.



Kerajaan menyasarkan 150,000 dos suntikan sehari pada Jun, manakala Julai (200,000) dan menjelang Ogos (300,000). Justeru, beberapa langkah proaktif disenaraikan dalam rangka kerja PICK.

Kerajaan menubuhkan 605 PPV dikendalikan kakitangan pelbagai kementerian, agensi dan organisasi. Dimulai pembabitan hospital dan klinik kerajaan, diikuti hospital serta klinik swasta.

Bagi mencapai sasaran itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) akan memanggil lebih banyak tenaga kerja membabitkan profesional perubatan termasuk pesara doktor dan jururawat, doktor pelatih serta pelajar perubatan. Peluang turut dibuka untuk sukarelawan vaksin melalui program MyVAC.

Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut diterima. Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM) atau dikenali HUiTM yang baru beroperasi April lalu, terpilih menjadi PPV Mega.

HUiTM juga akan laksana pemberian vaksin secara pandu lalu dengan sasaran kepada warga emas dan orang kurang upaya bermasalah mobiliti.

PPV Bergerak turut dilancarkan dengan projek rintis Kementerian Wilayah Persekutuan, Vaksin Bergerak Trak MyMedia@Wilayah Prihatin memba-bitkan 1,000 penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Muhibbah, Lembah Pantai dan diikuti 1,000 pekerja pembinaan Transit Aliran Massa (MRT).

Penggunaan fasiliti kerajaan seperti bas, lori dan kenderaan bersesuaian akan diguna pakai untuk program ini. Turut disarankan penggunaan mod pengangkutan berbeza seperti pengangkutan udara dan air khususnya untuk penduduk di kawasan terpencil dan sukar dihubungi melalui jalan darat.

Dalam konteks vaksin untuk OKU, Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields dipilih menjadi PPV khusus. Ia akan dipraktikkan ke seluruh negara dalam masa terdekat.

Namun, semuanya akan dapat dijayakan dengan bekalan vaksin mencukupi seperti dijadualkan.

Pada masa sama, Malaysia mencatatkan kebole-hangkitan di bawah 1.0, Isnin lalu, sekali gus pencapaian kali pertama sejak April lalu. Ini menunjukkan PICK dilaksanakan sejak hujung Februari lalu memberikan impak positif.

Diharapkan tindakan proaktif dan efisien dapat melabuhkan tirai pandemik secepat mungkin. Kerjasama serta usaha berterusan akan merealisasikan matlamat imuniti berkelompok penghujung tahun ini.

12 June 2021

Pematuhan SOP ibu bapa elak anak kecil dijangkiti COVID-19



Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Dr Wan Marhaini Wan Omar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Sejak 25 Januari hingga 31 Mei lalu, terdapat 82,341 kes positif membabitkan golongan berusia bawah 18 tahun. Tambah membimbangkan, hampir 30,000 kes positif ini dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah.

Amat mengelirukan kerana golongan kecil ini semestinya tidak ke mana-mana dengan sendiri. Logik akal memberitahu kita, mereka masih di bawah pengawasan sepenuhnya ibu bapa atau penjaga.

Tidak mungkin si kecil di bawah usia 12 tahun sudah tahu merentas negeri atau keluar membeli-belah di pasar raya. Lantas, bagaimana jangkitan boleh berlaku?

Difahamkan banyak kes dalam kalangan bayi dan kanak-kanak bawah usia enam tahun berpunca daripada jangkitan di taman dan pusat asuhan.

Ada berpunca daripada pengasuh dan penjaga yang sendiri dijangkiti tanpa disedari. Bahkan ada juga kes bayi dan kanak-kanak mendapat jangkitan awal dari rumah. Bagaikan bongkah domino dijatuhkan, mereka ini kemudian menjangkiti sahabat di pusat asuhan.

Bagi yang berusia antara enam hingga 18 tahun pula, memang berkali-kali ibu bapa dan penjaga memberi didikan mengenai kepentingan mengamalkan kawalan kesihatan sendiri.

Namun, siapa akan memantau mereka ini apabila sudah bertemu, bermain dan bergurau senda bersama rakan mahupun saudara sebaya?

Lantas, gesaan dan amaran pihak berwajib untuk mengenakan tindakan undang-undang kepada ibu bapa yang membawa anak berusia kurang 18 tahun ke kawasan awam berisiko tinggi bertepatan.

Masih ada segelintir ibu bapa membawa mereka ke tempat terbuka seperti pasar raya. Malah, sikap ibu bapa dan penjaga yang taasub beraya ketika Aidilfitri baru-baru ini juga amat dikesali.

Jika dilihat angka 200,000 yang melanggar perintah rentas daerah, sudah pasti golongan bawah 18 tahun pun terbabit sama. Ini belum lagi yang menziarah raya di kawasan setempat.



Sekatan sendiri serta pemantauan ibu bapa lindungi anak daripada serangan virus.
(Foto hiasan)

Golongan bawah usia 18 tahun ini khususnya bayi dan kanak-kanak secara langsung menjadi mangsa.

Sudah pasti ibu bapa yang menjadi tuan rumah tidak sempat memantau anak mereka di kala sibuk melayan tetamu. Tetamu yang entah dari mana datangnya sebelum berkunjung ke rumah kita pula, ada kemungkinan membawa bersama virus ini.

Jangkitan ketika aktiviti ziarah menziarahi senang bertukar tangan terutama ketika bersalaman dan berpelukan. Bayangkan pula si bayi comel yang sering menjadi perhatian umum, dipegang, didukung dan dicium acap kali tetamu hadir.

Persoalannya, adakah ini berpunca daripada orang dewasa yang masing-masing mementingkan diri sendiri sehingga tergadai kesihatan anak?

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menegaskan bukan sahaja warga emas golongan berisiko, tetapi kanak-kanak turut mudah terdedah kepada ancaman virus ini.

Harus diingat, semua orang dewasa terutama ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya dalam melindungi kanak-kanak daripada dijangkiti.

Jangan disalahkan golongan bawah usia 18 tahun, khususnya bayi dan kanak-kanak kecil ini.

Pada mereka, perkataan SOP (prosedur operasi standard) hanya ungkapan yang terngiang-ngiang dalam kehidupan seharian mereka.

Mereka tidak faham maksud SOP, bahkan tidak tahu bagaimana virus ini merebak. Justeru, pematuhan kepada SOP dan sekatan pergerakan sendiri antara tindakan segera yang perlu dilaksanakan ibu bapa.

Pembendungan ini adalah kritikal bagi mengelak virus terus merebak dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.

Ingatlah, jangkitan COVID-19 tidak mengenal usia. Setiap kita perlu percaya bahawa COVID-19 adalah benar.

14 June 2021

Kelab e-sukan universiti sokong penglibatan mahasiswa



DR MASNUR MOHD KHAIR



MUHAMMAD KHALIL JAPRI



KOK ZHEN HOONG



DR HAFID FIRDI MOHD LATIF

Pertumbuhan e-sukan di negara ini semakin menunjukkan trend yang positif apatah lagi sejak setahun lalu, rakyat Malaysia banyak menghabiskan masa di rumah kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Umum mengetahui e-sukan terdiri daripada permainan dalam talian yang kompetitif pada peringkat profesional dan diterima sebagai kegiatan sukan oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa pada 2017.

Menyedari akan potensi bidang ini, kerajaan Malaysia menurut Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyokong pembangunan e-sukan malah dalam Belanjawan 2020, sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi sukan ini.

Di peringkat universiti, penubuhan kelab e-sukan dilihat mampu memperkasa lagi bidang berkenaan dalam kalangan mahasiswa sekali gus memunculkan bakat baharu yang bakal mewakili negara di pelbagai kejohanan antarabangsa.

Universiti Teknologi Mara (UTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Multimedia (MMU) antara universiti yang mengambil inisiatif menubuhkan kelab e-sukan masing-masing dengan pelbagai objektif yang ingin dicapai.

Timbalan Pengarah 1, Hub Media Kreatif dan Teknologi (CMTHub) UTM, Dr Masnur Mohd Khair, berkata Kelab e-Sukan UTM ditubuhkan pada tahun lalu selepas universiti itu berjaya menganjurkan kejohanan e-sukan, Celcom xPAK Kejohanan e-Sukan Kampus (KCK).

Dianjurkan dengan kerjasama Media Prima Digital (kini dikenali dengan nama Revi Media Group), ia bertujuan memupuk semangat kesukanan dan melahirkan bakat baharu dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/PTS).

"Hub ini ditubuhkan berdasarkan penanda aras hub e-sukan di Universiti Staffordshire yang menyediakan kemudahan teknologi kepada pelajar untuk melatih bakat dan juga berfungsi mendedahkan pelajar kepada profesion baharu dalam industri ini.

"Melalui hub ini, pelajar akan diledakkan kepada dunia e-sukan yang bakal membuka peluang pekerjaan serta meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi, ekonomi, dan strategik," katanya kepada GPSBerita.



Pertandingan Dota 2 pada kejohanan e-Sukan Kampus (KCK) Celcom xPAK.



Pemegang hadiah terbaik bergambar bersama semasa program MMU Cyberplay 2018.

Kisah Kelab

Menurutnya lagi, melalui hub ini juga, pelajar dapat membiayai diri dengan alai di belakang tabir yang merupakan pengalaman berharga dan boleh dipraktikkan di alam pekerjaan kelak.

"CMTHub juga bekerjasama dengan Hal Ghairi Pelajar (HEP) untuk melatih pelajar menjadi pemain e-sport profesional agar dapat melibatkan diri dalam pertandingan di peringkat antarabangsa seperti Sukan SEA dan Sukan Olimpik," kata beliau.

Keshiliran Kelab e-Sukan UTM terbuka kepada semua pelajar universiti berkenaan yang aktif dalam bidang tersebut. Ketika ini, ia mempunyai lebih 70 ahli.

Dr Masnur berkata, mengikut perancangan, hub itu akan menyediakan lokasi khas dan dilengkapi enam zon yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar termasuklah zon komputer dan PS4, realiti maya (VR), telefon pintar serta permainan simulator.

"Bagaimanapun, semuanya masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekangan PKP. Malah begitu, kami tetap positif dalam menjadikan hub ini satu kenyataan pada masa depan," katanya.

Ahli Kelab e-Sukan UTM merangkap atlet bagi pasukan Vendetta yang mewakili universiti itu, Muhammad Khalil Japri, berkata penubuhan hub itu mampu memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kemahiran mereka dalam bidang tersebut.

"Bidang e-sukan ini bukan saja terhad kepada permainan interaktif tetapi turut membuka peluang kerjaya di belakang tabir dan membolehkan pelajar meluaskan rangkaian kenalan.

"Itulah yang cuba dilakukan Kelab e-Sukan UTM. Saya percaya ramai mahasiswa yang akan mendapat manfaat pada masa depan," katanya.

Kelab ESC

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pusat Inovasi dan Teknologi Sukan UTM, Dr Hafid Firdi Mohd Latif, berkata penubuhan kelab e-sukan di universiti itu yang dikenali Kelab ESC UTM adalah kesinambungan pengumuman Menteri Belia dan Sukan sebelum ini yang ingin memberi tumpuan terhadap sukan baharu itu.

Atas keperluan itu, satu mesyuarat telah diadakan bagi menubuhkan kelab e-sukan di UTM.

Penubuhan kelab ini terbukti berjaya dengan penganjuran pelbagai program dan pertandingan peringkat universiti dan kebangsaan.

"Pinak UTM Sports Excellence juga telah meminta Kelab ESC UTM memilih pemain UTM bagi mewakili universiti ke pertandingan peringkat Majlis Sukan Universiti (MASUKU)," katanya.

Ditubuhkan pada Ogos 2016, seramai 400 ahlinya telah mendaftar dan berjaya menganjurkan beberapa pertandingan serta mewakili Malaysia untuk Kejohanan Valorant pada penghujung tahun lalu.

Di MMU pula, penubuhan kelab e-sukan pada Mei 2017 bertujuan menyediakan platform kepada pelajar universiti berkenaan untuk berinteraksi dan menganjurkan pelbagai kejohanan berkaitan e-sukan.

Presidennya, Kok Zhen Hoong berkata, ketika ini terdapat lebih 300 pelajar MMU yang berdaftar dan pendaftaran dibuka setiap kali semester baru dengan yuran tahunan RM5.

"Memandangkan sekarang semua terbatas kerana PKP, kelab turut membuka pendaftaran secara dalam talian.

"Kami juga menganjurkan beberapa pertandingan dalam talian bagi memastikan kami sentiasa berinteraksi dengan komuniti e-sukan di dalam dan luar kampus," katanya.

15 June 2021

Usah lupa jasa guru di sebalik kejayaan SPM

Dr Mohd Hafiz Zulfakar dan Farah Syazreena Azmi,
Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kampus
Puncak Alam

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 ialah pencapaian terbaik dalam tempoh lima tahun. Seramai 9,411 calon mendapat A untuk semua subjek. Pencapaian ini amat membanggakan ketika kita sibuk melawan COVID-19.

Kejayaan terbaik ini, menurut tokoh pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, didorong tiga faktor utama iaitu bantuan alat Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), motivasi sendiri pelajar dan sokongan kental ibu bapa.

Tidak dinafikan ketiga-tiga elemen ini memainkan peranan tidak ternilai ketika calon mengharungi tempoh pembelajaran mencabar sejak Mac tahun lalu.

Namun, jangan kita memandang sepi peranan tenaga pengajar yang terbabit secara langsung. Guru harus diberi perhatian sewajarnya ketika meraikan detik gembira ini. Mereka ejen pemangkin bertindak mengadunkan ketiga-tiga faktor kejayaan terbabit.

Guru seperti juga pelajar dan ibu bapa, tidak dapat menjangka COVID-19 mengubah landskap pendidikan di negara ini. Seluruh ekosistem pendidikan negara tidak bersedia ketika itu.

Masing-masing tidak dapat membayangkan apa akan terjadi khususnya kepada calon peperiksaan awam besar, termasuk SPM.

Ketika pelajar buntu nasib mereka dan bilakah sesi persekolahan akan bersambung, guru sudah mengorak langkah awal.

Arahan dikeluarkan agar menyiapkan bahan persediaan untuk norma baharu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian. Kejutan ini bukan lazim sepanjang karier mereka.

Guru pelbagai lapisan usia; muda dan veteran menghadapi cabaran serta tekanan hebat. Bahan PdP selama ini hampir sepenuhnya dalam bentuk konvensional perlu diubah kepada kandungan digital pada masa singkat.

Selepas itu, mereka memikirkan bagaimana kandungan digital ini disampaikan dengan efektif kepada pelajar, khususnya yang bakal menduduki peperiksaan.

Ketika PdPR mula dilaksana, pelbagai reaksi diberikan. Tohmahan bertali arus menghentam guru. Ibu bapa menyuarakan kekusutan keberkesanan norma baharu PdPR mempersiapkan anak

mereka menghadapi peperiksaan besar. Bahkan ada bersuara agar peperiksaan SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dibatalkan.

Namun, semangat golongan pendidik sedikit pun tidak luntur. Amanah dipegang untuk memastikan anak didik berjaya sentiasa tersemat tinggi. Mereka gigih memberikan yang terbaik walaupun suasana mencabar.

Komitmen guru juga terserlah ketika pelajar Tingkatan Lima dan Enam diarah menyambung sesi persekolahan secara bersemuka pada Jun tahun lalu dan Januari lalu.

Walaupun terdedah risiko jangkitan dengan kehadiran di sekolah, guru sanggup berkorban demi memberikan tumpuan sebaiknya agar semua sukatan pelajaran dapat dihabiskan.

“Guru pelbagai lapisan usia; muda dan veteran menghadapi cabaran serta tekanan hebat. Bahan PdP selama ini hampir sepenuhnya dalam bentuk konvensional perlu diubah kepada kandungan digital pada masa singkat”

Keputusan peperiksaan SPM 2020 memang di luar jangkaan. Bukan sahaja Gred Purata Nasional (GPN) meningkat 0.6 mata berbanding 2019, bahkan jurang pencapaian calon antara bandar dengan luar bandar turut mengecil.

Justeru, jangan kita menenggelamkan sumbangan guru di sebalik kejayaan manis SPM 2020. Mereka wajar dinobatkan sebagai wira walaupun tidak didendang. Jasa dan pengorbanan mereka sepanjang tempoh sukar ini perlu diberi perhatian.

17 June 2021

Peranan Seri Paduka selaku ketua negara bukan tugas mudah

Dr Zahariah Sahudin dan Mohd Nazrul Mohd Amin, Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Pada kurun ke-19, sistem pemerintahan beraja atau monarki diamalkan 900 negara di seluruh dunia. Bagaimanapun, kini hanya kira-kira 40 negara masih mengamalkannya dan ini termasuklah negara kita, Malaysia.

Dalam sistem pentadbiran ini, raja menjadi ketua dan diberi kuasa untuk memerintah sesebuah negara. Ini bermakna raja bagi sesebuah negara itu mempunyai pengalaman yang luas serta kebijaksanaan dalam mentadbir dan memerintah negara mereka sendiri.

Di Malaysia, raja yang menjadi ketua negara kepada 32.73 juta rakyat dikenali dengan panggilan Yang di-Pertuan Agong. Ia bukanlah suatu tugas yang mudah. Amanah dan tanggungjawab yang harus digalas oleh baginda terlalu berat.

Bukan semua mampu menggalas tanggungjawab besar dipikul itu. Menjadi pengurus besar dalam sesebuah syarikat saja pun sudah menghadapi banyak masalah, hingga tidak boleh melelapkan mata pada malam hari.

Ini kerana, segala apa yang berlaku dalam syarikat itu menjadi tanggungjawab kita. Dari sekecil-kecil masalah hinggalah kepada sebesar-besar masalah. Inikan pula jika hendak menggalas tanggungjawab sebagai seorang ketua negara.

Menjaga keamanan setiap negeri dalam negara yang berada di bawah jajahan, menjaga keselamatan setiap rakyat dalam negara, memastikan kebajikan dan menjaga kepentingan rakyat, serta macam-macam lagi harus ditadbir urus oleh seorang ketua negara.

Selain harus mengambil tahu segala hal ehwal yang terjadi dalam negara, Yang di-Pertuan Agong juga menjadi ketua agama Islam, pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga bertanggungjawab melindungi serta menjaga kepentingan hak semua kaum di Malaysia. Raja juga menjadi sumber penghormatan dan kebesaran negara.

Dengan amanah dan tanggungjawab yang terlalu berat dan banyak ini, tidakkah kita sebagai rakyat sedar bahawa seseorang pemimpin itu akan dipersoalkan nanti sekiranya cuai dalam melaksanakan amanah serta tanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya.

Berdasarkan persoalan ini, maka jelas sekali kita sebagai rakyat yang dipimpin, harus sentiasa berasa bertuah dan bersyukur kerana negara aman

dan damai.

Tidak seperti negara lain yang sentiasa bergolak dan berperang dengan tidak diketahui bila akan bertemu pengakhiran.

Lantas, marilah kita berganding bahu dan bersatu hati memberikan kerjasama, sokongan dan dukungan yang baik kepada Yang di-Pertuan Agong yang sanggup berkorban memikul amanah dan tanggungjawab ini, demi kita, yang bergelar rakyat Malaysia. Menjunjung kasih, Tuanku!

Bagaimanapun, masih ada segelintir rakyat tidak faham atau buat-buat tidak faham dengan konsep ini.

Hal ini jelas sekali sangat mengecewakan, sekali gus menimbulkan banyak persoalan dan permasalahan dalam kalangan kita sebagai rakyat.

Buktinya, baru-baru ini negara digemparkan dengan beberapa individu yang menghina, mengejek, mempersenda dan memperlekehkan institusi beraja melalui hantaran di media sosial.

Jika difikirkan mengikut logik akal, tidak ada sebab dan tidak berhak memungkinkan seorang yang bergelar manusia untuk menghina dan mempersendakan orang lain, apatah lagi jika penghinaan, ejekan dan sendaan bertujuan untuk memperlekehkan Yang di-Pertuan Agong yang berkorban melindungi dan menjaga keamanan negara.

Hakikatnya, dalam semua agama kita digalakkan untuk berbuat baik sesama manusia tidak kira sama ada kanak-kanak mahupun orang yang lebih tua daripada kita.

Jika ingin dihormati, kita haruslah terlebih dahulu menghormati orang lain. Itu prinsip yang harus dipegang.

Bak kata pepatah Inggeris

What goes around, comes around. Maksudnya, apa yang kita lakukan itu akan kembali kepada kita semula.

Dalam masyarakat kita di Malaysia, perasaan hormat-menghormati dipupuk sejak kecil lagi. Ini adat resam negara kita.

Dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan, sudah sedia termaktub bahawa raja adalah ketua utama negara kita (yang membawa gelaran Yang di-Pertuan Agong) yang dipilih secara giliran dalam kalangan Raja-Raja negeri lain.

Oleh yang demikian - bagi seseorang yang ingin kekal menjadi rakyat Malaysia - selain wajib mematuhi semua 183 perkara termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, mereka hendaklah taat dan setia kepada ketua negara iaitu raja.

Mungkin, mereka ini berhasrat menasihati baginda, tetapi tersalah adab. Justeru, jika kita ingin menegur dan menasihati, seharusnya berbuat demikian dengan cara yang baik dan berhemah.

Rakyat Malaysia terkenal dengan adat dan budi bahasa yang tinggi. Janganlah kerana kesilapan ini, kita dicop dengan gelaran yang tidak manis dan tidak sedap didengar. Kesimpulannya, kita ditakdirkan untuk menetap di tanah air ini dan dipimpin oleh seorang raja. Terlalu banyak dan berat amanah dan tanggungjawab yang dipikul baginda.

Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita menjadi rakyat yang taat setia dengan memberi sepenuh sokongan dan kasih sayang kepada Yang di-Pertuan Agong supaya baginda sentiasa kekal dahulu, kini dan selamanya.



24 June 2021

Urus sisa klinikal COVID-19 secara sistematik



Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Azlina Muhammad
bhrencana@bh.com.my

Pelaksanaan sekatan pergerakan pen-
uh sudah menghampiri tempoh sebulan.
Tanda rantai pandemik ini sudah
berjaya kita putuskan masih samar-
samar dan kes positif masih kekal mele-
bihi angka 4,000 setiap hari.

Rakyat didukung kerajaan masih
bersemangat kental melawan badai
COVID-19. Hari demi hari, petugas tetap
barisan depan kesihatan dan penguat-
kuasaan terus memberikan komitmen
tidak berbelah bahagi.

Khidmat mereka ini di fasiliti kesiha-
tan seluruh negara kini dibantu tenaga
kerja tambahan sementara bersama
barisan sukarelawan.

Namun, ada kekusaran lain dibang-
kitkan. Dengan bertambahnya kes
positif diiringi pertambahan sejajar
tenaga kerja, maka bertambah jugalah
sisa klinikal perlu dilupuskan dengan
selamat.

Sisa buangan klinikal ini, termasuk
bahan plastik pakai buang, kelengkapan
perlindungan diri (PPE), sarung tangan getah,
gaun isolasi, jarum suntikan dan perisai muka.

Berdasarkan statistik, kadar pembuangan
sisa klinikal ini meningkat 111.94 peratus jika di-
bandingkan kadar dicatatkan pada Disember 2019.

Peningkatan signifikan dijangka selepas ba-
nyak lagi pusat pemberian vaksin (PPV) baharu
dibenar beroperasi, termasuk PPV mega, PPV
pandu lalu dan PPV bergerak. Tambahan hospital
swasta dibenarkan merawat pesakit serta per-
tambahan kapasiti pusat kuarantin akan turut
menyumbang pertambahan.

Lantas, perhatian serius harus diberi kepada
sistem pengurusan pelupusan sisa klinikal ini
dan jika gagal, ia boleh mendatangkan musibah
baharu, khususnya kepada komuniti setempat.

Secara asasnya, kesan buruk seperti pencema-
ran tanah, air dan udara boleh menjadi akibat
daripada pembuangan sisa klinikal tidak betul.
Ini mudah berlaku apabila salah satu unsur se-
mula jadi ini dicemari sisa bahan dan peralatan
berbahaya.

Tambah buruk jika kit ujian calitan pesakit
positif atau PPE petugas yang menguruskan pe-
sakit atau jenazah positif tidak diasingkan serta-
merta. Ia boleh mengakibatkan individu lain
berisiko tinggi dijangkiti sekiranya tersentuh.



Kadar pembuangan
sisa klinikal meningkat
111.94 peratus jika
dibandingkan pada
Disember 2019.
(Foto hiasan)

Kegagalan melupuskan sisa jarum suntikan
boleh mendatangkan padah penyalahgunaan
dadah.

Justeru, satu sistem logistik berbalik atau
dikenali *reverse logistics* harus diperhalusi. Ia
merujuk sistem pengurusan menghantar semula
sesuatu output atau produk dihasilkan sesuatu
pembekal atau pengeluar untuk proses seterusnya
selepas ia tidak lagi diperlukan.

Proses seterusnya ini termasuk proses pelu-
pusan, guna semula atau kitar semula. Dalam
konteks ini, sisa klinikal dikategorikan sebagai
SW404 (bahan buangan patogenik, buangan kli-
nikal, bahan yang dikuarantinkan) tidak boleh
diguna atau dikitar semula.

Oleh itu, ia mesti dilupuskan pada waktu dan
tempat yang betul, dengan kaedah berseesuaian
oleh pihak sepatutnya.

Meskipun ada syarikat dipertanggungja-
wabkan dalam memastikan sisa ini dihantar
dan dilupuskan secara berjadual, prinsip asas
logistik berbalik iaitu merancang, mengurus dan
mengawal selia pengurusan output sisa secara
berterusan harus difahami keseluruhannya.

Semua pihak terbabit secara langsung, khusus-
nya Kementerian Kesihatan (KKM) dan pemegang
tender pelupusan sisa klinikal, harus memasti-
kan seluruh tenaga kerja, termasuk mereka di
lapangan faham kepentingan melupuskan sisa ini
dengan rasa penuh tanggungjawab dan beretika.

Di kala peningkatan beban sisa klinikal tidak
dapat dielakkan, risau akan ada segelintir pihak
mengambil jalan mudah dan singkat.

Justeru, dalam kita masih berperang melan-
daikan lengkung jangkitan pandemik, janganlah
pula kita leka dan lalai dalam pengurusan sisa
klinikal yang tidak kurang bahayanya.

Ini penting demi menjaga kelestarian alam
persekitaran serta memastikan kesihatan komu-
niti yang selamat dan terjamin.

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Kampus
Puncak Alam

26 June 2021

HUMANITARIAN SUPPLY CHAIN

Ensuring smooth aid operations through logistics

THE word “humanitarian” is one we encounter quite frequently, but is “humanitarian logistics” anywhere near as familiar to us? Although logistics is commonly associated with business supply chains, it is also vital in disaster relief operations.

This is what is referred to as humanitarian logistics. The dedicated organisation of delivering and storing supplies in areas hit by natural disasters or other localised emergency situations in order to aid the people and environments there.

Humanitarian logistics is a complex process that involves a great deal of inventory management, information sharing, forecasting and resource optimisation before the aid supplies can reach their destinations.

For almost two years now, the Covid-19 pandemic has dramatically

transformed the way we function as a society, forcing changes in people’s daily lives worldwide.

Global governments are still fighting to reduce infection rates and flatten the curve in their respective countries. In conditions like this, humanitarian logistics is crucial in ensuring efficient deliveries of vaccines and medical supplies to locations around the world.

For instance, the mega cargo plane Antonov An-225 has been consistently employed to transport protective medical gear from China to other nations, thanks to its huge storage capacity. Malaysia has also taken the initiative in sending aid to countries in need, including medicine, food and hospital clothing and equipment.

Exceptional cooperation and collaboration are required from various

parties to guarantee the smooth procurement, transportation and storage of these aid supplies. Strong coordination is also essential in the initial phase when assessing the needs of the affected community.

Several key elements must be accounted for in order to guarantee efficient humanitarian logistics.

FIRSTLY, the warehouse or distribution centre must be carefully planned and constructed to ensure there are no wasted materials or contamination in the area. The warehouse must also be well-organised and accessible for a more efficient aid delivery process.

SECONDLY, information sharing and coordination between the authorities involved must be clear, defined and well-documented to avoid confusion and overlaps.

THIRDLY, it is vital to choose well-

trained and experienced individuals who can organise, manage and execute effectively in disaster or emergency environments.

FOURTHLY, is that of knowledge management, which encompasses the analysis and transfer of information gleaned from previous humanitarian logistics endeavours.

FIFTHLY, and the most crucial factor is the gathering of sufficient finances to fund the efficient preparation and execution of the aid operation.

In Malaysia, it is the National Security Council which plans various disaster aid programmes through the government. The effectiveness of these programmes is dictated by Directive No.20, which acts as a guideline for the various participating aid agencies.

Pre- and post-disaster humanitar-

ian efforts rely heavily on the efficiency of logistical processes, particularly in terms of good transportation and inventory management.

The unpredictability and complications involved with humanitarian logistics calls for excellent management so that we can offer better and more helpful responses for areas and peoples in need.

PROFESSOR DR VEERA PANDIYAN KALIANI SUNDAM

Faculty of Business and Management,
Universiti Teknologi Mara
and president of Malaysia Logistics
and Supply Chain Management

PROFESSOR DR JAAFAR PYEMAN

Director, Institute of Business
Excellence,
Universiti Teknologi Mara



THANK
YOU

to all news writers



**From: FBM Corporate
communication team**